


Masyarakat sivil isi kemajuan negara

Pergerakan aktif rakyat bantu kerajaan, swasta gembleng sinergi hebat

BH-24/2/2007



Perspektif

Bersama

Saifuddin Abdullah

E-mel: saifuddin61@yahoo.com

JANGAN hanya berharap kepada kerajaan. Golongan profesional, akademik dan lain-lain boleh membantu dengan memberikan khidmat kepada rakyat. Demikian, antara lain pesanan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika merasmikan Dewan Amal Islam Hadhari (Damai) pada 16 Februari lalu.

Damai, yang dipengerusikan Datuk Ahmad Zahid Hamidi bermatlamat mengukuhkan persefahaman dan meningkatkan kerjasama pelbagai badan Islam menerusi satu gagasan bagi membangunkan ummah untuk mencapai kecemerlangan.

Kenyataan Abdullah itu ditujukan kepada badan belia, wanita, pengguna, akademik, profesional, media dan yang menjadi sebahagian daripada jaringan Damai.

Badan-badan ini lazimnya digelar pertubuhan bukan kerajaan terjemahan daripada bahasa Inggeris non-governmental organisation (NGO). Tetapi, istilah ini kurang tepat. Di samping NGO, istilah 'badan bukan-keuntungan' atau non-profit organisation (NPO) juga kurang tepat.

Kedua-dua istilah itu kurang tepat kerana tidak menerangkan sesuatu itu secara langsung, sebaliknya menerangkannya secara songsang. Ia tidak menerangkan 'apakah sesuatu itu', tetapi sebaliknya menerangkan 'apakah yang sesuatu itu bukan'.

Istilah NGO dan NPO tidak menerangkan secara langsung jenis pertubuhan itu, tetapi hanya mengatakan ia bukan badan kerajaan atau bermotifkan keuntungan.

Menerangkan secara songsang ini umpama seorang lelaki yang ketika memberitahu jantannya dalam borang tertentu dengan tidak mengatakan yang beliau lelaki, tetapi sekadar menulis yang beliau bukan perempuan.

Istilah lebih tepat ialah 'badan masyarakat sivil' atau civil society organisation (CSO) kerana ia bersesuaian dengan pemikiran kontemporari mengenai sistem bernegara. Bagaimanapun, tulisan ini tidak bermaksud memberikan definisi terperinci atau terbabit dalam polemik epistemologikal mengenai mak-

INTI PATI

Badan masyarakat sivil

- Badan masyarakat sivil atau civil society organisation (CSO) bersesuaian dengan pemikiran kontemporari mengenai sistem bernegara.
- Ada dua perspektif utama yang popular mengenai masyarakat sivil.
- Masyarakat sivil mampu menjadi 'rakan pembangunan' berkesan, tetapi masyarakat sivil, terutama belia, selalunya hanya dilihat sebagai 'penerima manfaat pembangunan'.
- Ia memberikan sumbangan yang amat besar dalam pelbagai bidang pembangunan.
- Pengiktirafan badan masyarakat sivil sebagai rakan pembangunan, terutama dalam proses membuat keputusan. Penggembengan kekuatan sektor masyarakat sivil bersama sektor perniagaan dan diketuai oleh sektor kerajaan menjanjikan sinergi yang hebat.

na masyarakat sivil.

Kini, ada dua perspektif utama yang popular mengenai masyarakat sivil. Pertama, masyarakat sivil sebagai satu bentuk masyarakat atau tamadun diimpikan, iaitu seperti terkandung dalam makna *civility*.

Kedua, ialah masyarakat sivil yang merujuk kepada sektor bukan kerajaan atau perniagaan. Perbincangan ini merujuk perspektif yang kedua ini.

Istilah masyarakat sivil digunakan dalam konteks kedudukan dan peranannya dalam sistem bernegara hari ini. Dalam sistem bernegara moden ada tiga sektor utama yang menggerakannya.

Sektor pertama ialah kerajaan, kedua ialah perniagaan atau swasta dan ketiga ialah masyarakat sivil yang dikenali juga sebagai 'rakyat', 'social enterprise' dan sebagainya.

Masyarakat sivil ialah rakyat yang secara kedudukan dan peranannya tidak tergolong dalam kerajaan atau perniagaan. Setiap golongan dalam masyarakat sivil ini mempunyai gerakannya tersen-

diri yang diwakili badan masing-masing. Ada yang amat tersusun sehingga mempunyai pertubuhan kebangsaan.

Contohnya, belia diwakili Majlis Belia Malaysia (MBM), wanita diwakili Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) dan profesional diwakili oleh Balai Ikhtisas Malaysia (BIM).

Ada beberapa isu penting mengaitkan masyarakat sivil dan pembangunan. Masyarakat sivil memang memerlukan pembangunan, tetapi pada masa sama, usaha pembangunan juga memerlukan masyarakat sivil memainkan peranan.

Sebenarnya, masyarakat sivil mampu menjadi 'rakan pembangunan' berkesan, tetapi masyarakat sivil, terutama belia, selalunya hanya dilihat sebagai 'penerima manfaat pembangunan'. Masyarakat sivil, terutama belia, amat jarang diberi peluang membabitkan diri sebagai rakan pembangunan, terutama dalam struktur dan proses membuat keputusan.

Dalam sistem bernegara hari ini, tidak ada kerajaan yang dapat menyediakan semua. Begitu juga, tidak ada perniagaan yang dapat menyediakan semua. Walau bagaimana akrab sekalipun kerjasama kerajaan dan perniagaan, kedua-duanya masih tidak dapat menyediakan semua, manakala masyarakat sivil tidak berhasrat menggantikan fungsi dan peranan kerajaan dan perniagaan.

Garis bawah bagi kerajaan ialah undi, manakala garis bawah bagi perniagaan ialah untung. Tetapi, terlalu banyak perkara dalam kehidupan yang tidak ada kena mengena dengan undi dan untung. Inilah relevannya masyarakat sivil. Sebab itulah sejarah mencatatkan bahawa pelbagai jenis dan bentuk CSO sudah sentiasa berakar, mekar dan segar pada sepanjang zaman.

Umumnya, CSO mempunyai enam objektif yang generik sifatnya yang dikongsi bersama. Objektif itu ialah,

- Pertama; membantu mengadakan situasi dan kondisi, menerusi dasar dan program yang mendatangkan kesan positif.
- Kedua; membantu mengadakan situasi dan kondisi, menerusi dasar dan program, yang menghalang dan memperbaiki kesan negatif.
- Ketiga; membantu ketika bencana dan kecemasan.
- Keempat; memperjuangkan perkongsian nasib dan keberuntungan sosioekonomi yang saksama.
- Kelima; memperjuangkan hak asasi manusia, dan
- Keenam; menyediakan pemimpin pelapis.

Dalam sejarah kita, CSO sudah memberikan sumbangan yang amat besar dalam pelbagai bidang pembangunan. Antaranya ialah bantuan diberikan ketika berlaku kecemasan dan bencana, seperti yang dihulurkan kepada mangsa banjir di Johor, baru-baru ini.

Mereka juga berusaha meningkatkan mutu pendidikan dan latihan menerusi kumpulan pengajian, kelas bimbingan, sekolah swasta, taman didikan kanak-kanak serta latihan kemahiran dan kepimpinan; dan menjalankan usaha kesedaran dan pendidikan komuniti dalam pelbagai bidang seperti pembangunan belia, alam sekitar, kepenggunaan serta memerangi dadah, rokok dan HIV/Aids.

CSO juga menganjurkan program pendidikan agama, kegiatan sukan dan mengisi masa lapang, meningkatkan kesedaran terhadap isu kemiskinan, rasuah dan ketidakadilan sosial, serta berusaha mempengaruhi keputusan mengenai hak bersuara, gaji dan cuti.

Di pentas antarabangsa pula, CSO kita menggerakkan bantuan kemanusiaan seperti di Palestin, Selatan Thailand, Selatan Filipina, Myanmar, Vietnam, Bosnia Herzegovina, Kosova, Timor Leste, Iraq, Aceh dan Sri Lanka.

Dalam konteks ini, sama ada menerusi program disenaraikan di atas, ataupun melalui advokasi yang dilakukan menerusi memorandum, perwakilan dan sebagainya, CSO berjaya mempengaruhi sebilangan keputusan kerajaan yang berakhir dengan termaktubnya dasar, program atau institusi yang khusus mengenai perkara atau isu tertentu.

Antara dasar, program dan institusi yang dimaksudkan itu ialah Dasar Pembangunan Belia Negara, Dasar Wanita Negara, Dasar Pengguna Negara, biasiswa dan bantuan kewangan untuk pelajar Melayu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Bank Islam serta kementerian yang bertanggungjawab mengenai belia, wanita, pengguna dan alam sekitar.

Berdasarkan pengalaman ini, maka adalah imperatif untuk CSO diiktiraf sebagai rakan pembangunan, terutama dalam proses membuat keputusan. Penggembengan kekuatan sektor masyarakat sivil bersama sektor perniagaan dan diketuai oleh sektor kerajaan menjanjikan sinergi yang hebat.

Datuk Saifuddin Abdullah adalah Pengerusi Akademi Belia yang juga bekas Presiden Majlis Belia Malaysia (1998-2002)